

Kuatkan UMNO

perjuangan utama-PM

U.M. - 7 AUG 1989

GOPENG 6 Ogos —
Pertandingan merebut jawatan dalam UMNO bukan merupakan perjuangan utama, yang penting UMNO itu kuat dan berupaya memenangi pilihanraya bagi kepentingan rakyat Malaysia seluruhnya, kata Perdana Menteri, **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** hari ini.

Kata beliau, apa guna jadi pemimpin, kalau dalam pilihanraya Barisan Nasional dan UMNO dikalahkan.

Bila keadaan itu berlaku, beliau menambah, Barisan Nasional tidak berjaya membentuk kerajaan dan harapan rakyat berbilang kaum mahu menjadikan LJMNO sebagai pe-

lindung mereka akan hancur berkecai.

“Yang penting UMNO menang dalam pilihanraya, perjuangan UMNO bukan bertumpu kepada orang-orang Melayu semata-mata tetapi kepada semua rakyat Malaysia. Inilah perjuangan asasi UMNO yang jadi teras kepada kerajaan,” kata beliau.

Berucap merasmikan perwakilan UMNO bahagian Gopeng di Sekolah Menengah Seri Teja di sini petang ini, Presiden UMNO itu menegaskan, UMNO telah dikenali sebagai sebuah parti besar, bukan sahaja dalam negara tetapi di luar negara ini.

Untuk itu, katanya, elakkanlah adanya pertandingan dalam bahagian kerana mereka yang muda-muda masih mempunyai masa untuk bertanding.

“Ini adalah keputusan kita dan pada masa ini tak perlu adanya pertandingan. Kalau ada pertandingan

ada yang kalah dan ada pula yang tak puas hati,” katanya.

“Yang perlu UMNO punyai satu suara. Siapa jadi pemimpin tak penting, yang penting UMNO nak dijadikan lebih kuat daripada keadaan sebelumnya,” katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, apa yang dikehendaki oleh parti ialah perpaduan dalam UMNO itu.

Beliau optimistik betapa UMNO tidak akan jadi kuat jika setengah pihak terlalu ghairah mahu bertanding, kerana mereka yang kalah tidak akan berpuas hati dengan keputusan. “Kenapa UMNO diharam?”

Tanyalah diri sendiri. Ia adalah ekoran dari pertandingan yang tidak sihat.

“Kita punya masa untuk bertanding. Kini UMNO baru dipulihkan. Semua pihak mesti memahami

LIHAT MUKA 2 ✓

Perjuangan utama

keadaan itu," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, secara biasa pucuk pimpinan dalam LJMNO tidak semestinya akan terus menjadi pemimpin dan yang tua akhirnya akan mengundurkan diri.

"Saya yakin pertANDINGAN yang tidak sihat akhirnya akan mengakibatkan UMNO itu berpecah belah. Kita mahu UMNO kuat dan dalam keadaan aman yang boleh memberi perkhidmatan kepada semua bangsa dan negara ini," kata beliau.

Beliau berkata, beliau sendiri sudah lebih dua puluh lapan tahun dalam UMNO baru berpeluang jadi menteri, tiga puluh tahun baru jadi Timbalan Perdana Menteri, sedang

menjadi Perdana Menteri setelah berada dalam parti lebih tiga puluh tahun.

"Tak payah rebut jawatan, kita tunggu, yang penting UMNO kuat boleh menang pilihanraya," tegasnya.

Perdana Menteri kesal, kerana golongan Semangat 46 beranggapan bertapa orang-orang Melayu tidak perlu ramai memenangi pilihanraya, kerana kononnya perjuangan menstabilkan negara ini tidak perlukan wakil rakyat Melayu.

"Ini adalah anggapan yang amat dikesalkan, kerana kekuatan dan keselamatan negara keseluruhannya adalah di tangan orang-orang Melayu, khususnya kekuatan

UMNO," katanya.

Kata beliau, perjuangan LJMNO bukan untuk kepentingan satu dua orang sahaja, tetapi ada orang tertentu yang berjuang untuk kepentingan orang tertentu sahaja.

"Pejuangan UMNO adalah berlandaskan kepada falsafah bagi kepentingan rakyat Malaysia," katanya.

Beliau lalu menegaskan, ekonomi negara sekarang telah pulih semula dan pemulihan yang berlaku adalah kerana kestabilan dan keselamatan dalam negara.

Beliau menyeru parti-parti komponen Barisan Nasional supaya mengekalkan perpaduan yang ada bagi kepentingan masa hadapan bangsa dan negara seluruhnya.